

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD**  
**[ KOTA RAJA ]**  
**TARIKH : 02 APRIL 2015**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan implikasi dasar mewajibkan laporan kepada Jabatan Imigresen jika pesakit yang memerlukan rawatan adalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan bagaimana KKM merancang membendung penyakit berjangkit di kalangan PATI.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dengan terdapatnya Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia merupakan satu ancaman terhadap keselamatan negara, termasuk dari aspek kesihatan, iaitu '*health security threat*'. Status kesihatan PATI yang tidak diketahui meningkatkan risiko kemasukan dan penyebaran penyakit berjangkit kepada rakyat Malaysia. PATI yang mendapatkan perkhidmatan di fasiliti kesihatan Kerajaan juga meningkatkan beban dan kos perkhidmatan kesihatan kepada Kerajaan dengan menggunakan kemudahan dan subsidi yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat Malaysia. Demi menjunjung kedaulatan undang-undang negara,

keberadaan PATI dalam negara wajar dilaporkan kepada pihak berwajib bagi tujuan pemantauan dan tindakan selanjutnya.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 10/2001 telah ada garis panduan bagi memaklumkan anggota kesihatan yang bertugas di lapangan untuk melaporkan mana-mana PATI yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di hospital dan klinik kesihatan kepada pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Antara implikasi yang telah dijangka ialah beban kerja petugas kesihatan akan bertambah, PATI perlu diawasi sehingga pihak berwajib tiba dan imej hospital atau klinik kesihatan sebagai tempat untuk memberikan perkhidmatan kesihatan boleh terjejas. Oleh yang demikian, kerjasama yang rapat antara pihak kesihatan dengan pihak berkaitan perlu diwujudkan untuk mengatasi perkara ini dengan baik dan juga menggalakkan komunikasi efektif.

Untuk makluman juga, mulai 1 Januari 2015, Kerajaan melaksanakan caj baru perubatan bagi warganegara asing berdasarkan kepada kos perkhidmatan secara berperingkat dalam tempoh empat tahun bagi menghapuskan unsur subsidi dalam pemberian perkhidmatan rawatan perubatan kepada warganegara asing termasuk PATI.

Bagi membendung penyakit berjangkit di Malaysia, langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang dilaksanakan oleh KKM adalah menyeluruh termasuk jika ia berlaku di kalangan PATI seperti;

- i. Menetapkan polisi pemeriksaan perubatan pekerja asing iaitu sebelum datang ke Malaysia, dalam tempoh sebulan ketibaan di Malaysia dan juga tahunan berdasarkan dasar kerajaan sedia ada. Sekiranya pekerja asing dikesan mempunyai penyakit berjangkit,

mereka diisytihar sebagai tidak sesuai untuk bekerja di Malaysia. Dalam keadaan ini, majikan perlu menghantar pulang pekerja asing tersebut bagi mengelakkannya menjadi PATI dan menyebarkan penyakit berjangkit kepada rakyat Malaysia;

- ii. Memperkukuhkan aktiviti kawalan penyakit melalui pemantauan, perkhidmatan saringan, diagnosa, rawatan dan pengurusan penyakit berjangkit dengan lebih berkesan ke seluruh negara;
- iii. Sentiasa peka dengan notifikasi penyakit berjangkit yang dilaporkan daripada pihak hospital dan klinik, dan bertindak segera bagi memastikan penyebaran penyakit berjangkit dapat dikawal;
- iv. Menggiatkan promosi kesihatan melalui berbagai medium termasuk melalui media massa dan elektronik bagi meningkatkan kesedaran tentang bahaya penyakit berjangkit serta langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil;
- v. Bekerjasama dengan pertubuhan bukan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan lain dalam memastikan pengesanan awal, pencegahan dan kawalan penyakit dapat dilakukan dengan berkesan bagi mencegah penularan penyakit berjangkit; dan
- vi. Mengukuhkan hubungan kerjasama dan mempertingkatkan aktiviti kesihatan awam seperti perkongsian maklumat, pemantauan, pencegahan dan kawalan penyakit secara bersama termasuklah di pintu masuk yang berjiranan melalui Mesyuarat Dua Hala dan Multi lateral dalam bidang kesihatan awam yang telah wujud di kalangan Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan negara-negara berjiran.